



SEMINAR TERTUTUP
PEMANTAPAN NILAI ISLAM
DALAM SISTEM ADAT PERPATIH

KERTAS KERJA 3

TANAH WARISAN :
DARI PERSPEKTIF ISLAM

Oleh

Sahibus Samahah Dato' Hj. Mohd Murtadza bin Hj. Ahmad
Mufti Kerajaan Negeri
Negeri Sembilan Darul Khusus

Pada

24hb. - 25hb. November 1997

Anjuran

JABATAN MUFTI KERAJAAN NEGERI
dengan kerjasama
MAJLIS AGAMA ISLAM NEGERI SEMBILAN



WAKAF

Wakaf itu berasal dari bahasa Arab yang bererti *habs* (menahan) dan *man'u* (menegah / membeku). Manakala mengikut istilah syarak pula ada berbagai-bagai pengertian.

Syed Sabiq mendefinaskan Wakaf ialah menahan harta dan memberikan manfaatnya di jalan Allah s.w.t.

Abu Yusuf dan Mohammad bin Hassan (sohibain), Ahmad bin Hanbal dan As-Syafii dalam salah satu daripada dua pendapatnya mendefinaskan : Wakaf itu ialah menahan *ain maukuf* (benda) sebagai milik Allah atau pada hukum milik Allah s.w.t. dan mensedekahkan manfaatnya ke arah kebajikan dari mula hingga akhirnya.

Manakala disebutkan dalam Enakmen : Wakaf itu ialah pemberian yang berkekalan di atas harta atau sebahagian daripadanya oleh tuannya harta itu kerana maksud agama mengikut hukum syarak, semata-mata kerana Allah selama-lamanya.

Dr. Mohamed Al-Ahmadi Abu Al-Nor, bekas menteri Wakaf Mesir mendefinaskan : Wakaf itu ialah harta atau hartanah yang ditahan oleh pemiliknya sekira-kira dapat menghalang penggunaannya dengan dijual ataupun dibeli ataupun diberikan sebagai pemberian dengan syarat dibelanjakan faedahnya atau keuntungannya atau hasil mahsulnya kepada orang yang ditentukan oleh pewakaf.

Dari definasi-definasi tersebut dapat disimpulkan bahawa wakaf itu ialah :

- * Menegah, membeku dan menahan harta wakaf;
- * Menyerahkan harta atau sebahagian hartanya kepada milik atau pada hukum milik Allah s.w.t.; dengan tujuan mendampingkan diri kepada Allah; dan akhirnya mensedekahkan manfaat atau hasilnya atas jihat kebajikan yang ditentukan oleh pewakaf selama-lamanya.

JENIS WAKAF

Wakaf merupakan suatu pemilikan yang tidak sempurna kerana pemilikan harta wakaf (*maukuf itu*) adalah milik Allah atau dihukumkan milik Allah s.w.t. Manakala

manfaat dan hasil wakaf itu kepunyaan Maukuf Alaihi iaitu orang atau jibah yang diwakafkan.

Wakaf dibahagikan kepada dua :

2.1. Wakaf ahli atau Wakaf Keluarga :

Iaitu Wakaf yang memberi manfaat kepada keturunan wakif atau kepada keturunan maukuf alaihi seperti anak cucu dan turun temurun.

2.2. Wakaf Khairi (kebajikan)

Wakaf diperuntukkan bagi kebajikan semata-mata.

Wakaf Khairi ini terbahagi kepada dua :

1. Am; Ialah wakaf yang manfaatnya am boleh digunakan oleh semua orang Islam seperti wakaf masjid, surau dan seumpamanya.
2. Khas; Ialah wakaf yang manfaatnya dikhususkan kepada jibah tertentu seperti madrasah, rumah anak-anak yatim, fakir miskin dan sebagainya sebagaimana yang dikhaskan oleh pewakaf. Contohnya Wakaf Tunku Ampuan Mariam yang dikhaskan untuk penggunaan bagi pelajar tinggi kanak-kanak Islam perempuan Melayu seluruh Semenanjung.

ASAL HUKUM

Allah telah mensyariatkan wakaf, menganjurkan dan menjadikannya sebagai salah satu cara untuk mendampingi diri kepadaNya. Wakaf ini berpunca dari seruan dan galakan Rasulullah s.a.w. kerana kasihan belas dan kasih sayang baginda kepada orang fakir. Ini berdasarkan Hadith Rasulullah s.a.w. :

1. Dari Abu Hurairah r.a. :

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ : إِذَا مَاتَ ابْنُ آدَمَ انْقَطَعَ عَنْهُ عَمَلُهُ إِلَّا مِنْ ثَلَاثٍ : صَدَقَةٍ جَارِيَةٍ أَوْ عِلْمٍ يُنْتَفَعُ بِهِ أَوْ وَلَدٍ صَالِحٍ يَدْعُو لَهُ .

رواه مسلم ، أبو داود ، الترمذی والنسائي

Maksudnya : Daripada Abu Hurairah r.a. sesungguhnya Rasulullah s.a.w. bersabda : "Apabila mati anak Adam, terputuslah amalannya kecuali dari tiga perkara : sedekah jariah (wakaf), ilmu yang bermanfaat atau anak saleh yang mendoakan kepadanya."

Riwayat Muslim

Hadis di atas memberikan pengertian bahawa amal orang yang telah mati itu terputus amalannya, kecuali di dalam ketiga perkara itu, kerana itu berpunca dari usahanya iaitu anaknya yang mendoakan kepadanya ilmu yang ditinggalkannya dan sedekah jariahnya itu berasal dari usahanya.

عَنْ ابْنِ عُمَرَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا قَالَ : أَصَابَ عُمَرُ أَرْضًا بِخَيْرٍ فَأَتَى النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَسْتَأْذِنُهُ فِيهَا فَقَالَ : يَا رَسُولَ اللَّهِ ، إِنِّي أَصَبْتُ أَرْضًا بِخَيْرٍ لَمْ أَصِبْ مَالًا قَطُّ هُوَ أَنَفْسُ عِنْدِي مِنْهُ ، (فَقَدْ أَرَدْتُ أَنْ أَتَقَرَّبَ بِهِ إِلَى اللَّهِ عَزَّ وَجَلَّ) فَمَا تَأْمُرُنِي بِهِ؟ فَقَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ : إِنْ شِئْتَ حَبَسْتَ أَصْلَهَا وَتَصَدَّقْتَ بِهَا ، (أَوْ بَشَرْتَهَا) فَتَصَدَّقَ بِهَا عُمَرُ : إِنَّهَا لَا تَبَاعُ وَلَا تُوهَبُ وَلَا تُورَثُ ، وَتَصَدَّقَ بِهَا عَلَى الْفُقَرَاءِ وَفِي الْقُرْبَى وَفِي الرِّقَابِ وَفِي سَبِيلِ اللَّهِ وَابْنِ السَّبِيلِ وَالضَّيْفِ لَا جُنَاحَ عَلَى مَنْ وَلِيَهَا أَنْ يَأْكُلَ مِنْهَا بِالْمَعْرُوفِ وَيُطْعِمَ صَدِيقًا غَيْرَ مُتَمَوِّلٍ مَالًا . متفق عليه وزاد أحمد في روايته (وَأَوْصَى بِهَا إِلَى حَبْصَةِ أُمِّ الْمُؤْمِنِينَ ثُمَّ إِلَى الْكَأْبَرِ مِنْ آلِ عُمَرَ)

2. Hadith dari Ibnu Umar r.a. dia berkata : Umar telah mendapat sebidang tanah di Khaibar, lalu dia datang kepada Nabi s.a.w. untuk minta pandangan tentang tanah itu, maka katanya : Wahai Rasulullah, sesungguhnya aku mendapat sebidang tanah di Khaibar, dimana aku tidak mendapat harta yang lebih berharga bagiku selain daripadanya, (walhal aku bercita-cita untuk mendampirkan diri kepada Allah Azzawajalla) apakah yang hendak engkau perintahkan kepadaku dengannya? Maka sabda Rasulullah s.a.w. kepadanya : "Jika engkau hendak, tahanlah (bekukan) tanah itu, dan sedekahkan manfaatnya." Maka Umar pun sedekahkan manfaatnya, dengan syarat tanah (mankuf) itu tidak boleh dijualbeli, tidak dihebahkan (beri) dan tidak diwariskan (dipusakai). Tanah itu dia wakafkan keatas fakir miskin, kaum kerabat, memerdekakan hamba sahaya, sabilillah, ibnusabil dan tetamu. Dan tidak ada halangan bagi orang yang menguruskan (yang diberi kuasa menjaganya yakni Nazir) untuk mengambil upah sebahagian darinya dengan cara yang wajar, dan mengambil upahnya tanpa menganggap bahawa tanah itu miliknya sendiri.

Selain daripada bermacam jenis wakaf yang pernah dilakukan oleh para sahabat Rasulullah s.a.w. ada lagi bermacam jenis amal jariah yang pernah dilakukan oleh para sahabat baginda sebagaimana yang dikeluarkan dari Ibnu Majah bahawa Rasulullah s.a.w. bersabda :

إِنَّ مِمَّا يَلْحَقُ الْمُؤْمِنُ مِنْ عَمَلِهِ وَحَسَنَاتِهِ بَعْدَ مَوْتِهِ : عِلْمًا نَشَرَهُ أَوْ وَلَدًا
صَالِحًا تَرَكَهُ أَوْ مَصْحَفًا وَرَثَهُ أَوْ مَسْجِدًا بَنَاهُ أَوْ بِنًى لِبْنِ السَّبِيلِ بَنَاهُ أَوْ نَهْرًا أَجْرَاهُ
أَوْ صَدَقَةً أَخْرَجَهَا مِنْ مَالِهِ فِي صِحَّتِهِ وَحَيَاتِهِ تَلَحُّقُهُ مِنْ بَعْدِ مَوْتِهِ .

Maksudnya : "Sesungguhnya diantara apa yang dijumpai oleh seorang mukmin dari amalannya dan kebaikannya setelah dia mati itu adalah ilmu yang disebarkannya, anak soleh yang ditinggalkannya, mushaf (Quran) yang diwariskannya, masjid yang dibangun, rumah yang didirikannya untuk Ibnussabil (orang yang dalam perjalanan), sungai yang dialirkannya atau sedekah yang dikeluarkannya dari hartanya semasa sehat dan hidupnya, semua dia jumpai pahalanya sesudah dia mati."

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

يُؤْصِيكُمُ اللَّهُ فِي أَوْلَادِكُمْ لِلَّذِ كَرِ مِثْلُ حَظِّ الْأُنثَيْنِ، فَإِنْ كُنَّ نِسَاءً
فَوْقَ اثْنَتَيْنِ فَلَهُنَّ ثُلُثَا مَا تَرَكَ، وَإِنْ كَانَتْ وَاحِدَةً فَلَهَا النِّصْفُ،

وَلِأَبَوَيْهِ لِكُلِّ وَاحِدٍ مِّنْهُمَا السُّدُسُ مِمَّا تَرَكَ إِنْ كَانَ لَهُ وَلَدٌ، فَإِنْ لَّمْ
يَكُنْ لَهُ وَلَدٌ وَوَرِثَهُ أَبَوَاهُ فَلِلْمِثْلِ الثُّلُثُ، فَإِنْ كَانَ لَهُ إِخْوَةٌ فَلِلْمِثْلِ

السُّدُسُ، مِنْ بَعْدِ وَصِيَّةٍ يُوصِي بِهَا أَوْ دَيْنٍ، لِأَبَائِكُمْ وَلِأُمَّاتِكُمْ

لَا تَدْرُونَ أَيُّهُمْ أَقْرَبُ لَكُمْ نَفْعًا، فَرِيضَةٌ مِنَ اللَّهِ، إِنْ اللَّهُ كَانَ عَلِيمًا

حَكِيمًا. (١٠) وَلَكُمْ نِصْفُ مَا تَرَكَ أَزْوَاجُكُمْ إِنْ لَمْ يَكُنْ لَهُنَّ وَلَدٌ، فَإِنْ كَانَ

لَهُنَّ وَلَدٌ فَلِكُمُ الرُّبْعُ مِمَّا تَرَكَنَّ، مِنْ بَعْدِ وَصِيَّةٍ يُوصِي بِهَا أَوْ دَيْنٍ،

وَلَهُنَّ الرُّبْعُ مِمَّا تَرَكَنَّ إِنْ لَمْ يَكُنْ لَكُمْ وَلَدٌ، فَإِنْ كَانَ لَكُمْ وَلَدٌ فَلَهُنَّ

الثُّلُثُ مِمَّا تَرَكَنَّ، مِنْ بَعْدِ وَصِيَّةٍ تُوصِي بِهَا أَوْ دَيْنٍ، وَإِنْ كَانَ

رَجُلٌ يُوْرَثُ كَلَّةً أَوْ امْرَأَةٌ وَلَهُ أَخٌ أَوْ أُخْتُ فَلِكُلِّ وَاحِدٍ مِّنْهُمَا السُّدُسُ،

فَإِنْ كَانُوا أَكْثَرَ مِنْ ذَلِكَ فَهُمْ شُرَكَاءُ فِي الثُّلُثِ، مِنْ بَعْدِ وَصِيَّةٍ يُوصِي

بِهَا أَوْ دَيْنٍ غَيْرِ مُضَارٍ، وَصِيَّةٌ مِنَ اللَّهِ، وَاللَّهُ عَلِيمٌ حَكِيمٌ. (١١)

عِلْمُ الْفَرَائِضِ

تَعَلَّمُوا الْفَرَائِضَ فَإِنَّهَا مِنْ دِينِكُمْ وَإِنَّهُ نِصْفُ الْعِلْمِ وَإِنَّهُ أَوَّلُ
عِلْمٍ يَنْزِعُ مِنْ لُتِّي.

تَعَلَّمُوا الْفَرَائِضَ وَعَلِّمُواهَا النَّاسَ فَإِنِّي لَمُرٌُّ مَقْبُوضٌ
وَأَنَّ الْعِلْمَ سَيُقبِضُ وَتَظْهَرُ الْفِتَنُ حَتَّى يَخْتَلِفَ اِثْنَانِ فِي الْفَرِيضَةِ
فَلَا تَجِدَ إِذْ مَنْ يَقْضِي بَيْنَهُمَا.

تَعَلَّمُوا الْقُرْآنَ وَعَلِّمُوهُ النَّاسَ وَتَعَلَّمُوا الْفَرَائِضَ وَعَلِّمُواهَا
فَإِنِّي لَمُرٌُّ مَقْبُوضٌ وَالْعِلْمُ مَرْفُوعٌ وَيُوشِكُ أَنْ يَخْتَلِفَ اِثْنَانِ فِي
الْفَرِيضَةِ وَالْمَسْأَلَةِ فَلَا يَجِدَانِ أَحَدًا يُخْبِرُهُمَا.

Maksud Ayat :

Allah menysari'atkan bagimu tentang (pembahagian pusaka untuk) anak-anakmu. Iaitu : bahagian seorang anak lelaki sama dengan bahagian dua orang anak perempuan; dan jika anak itu semuanya perempuan lebih dari dua; maka bagi mereka dua pertiga dari harta yang ditinggalkan; jika anak perempuan itu seorang saja, maka ia memperoleh separoh harta.

Dan untuk dua orang ibu-bapa, bagi masing-masingnya seperenam dari harta yang ditinggalkan, jika yang meninggal itu mempunyai anak; jika orang yang meninggal tidak mempunyai anak dan ia diwarisi oleh ibu-bapanya (saja), maka ibunya mendapat sepertiga, jika yang meninggal itu mempunyai beberapa saudara, maka ibunya mendapat seperenam. (Pembahagian-pembahagian tersebut di atas) sesudah dipenuhi wasiat yang ia buat atau (dan) sesudah dibayar hutangnya. (Tentang) orang tuamu dan anak-anakmu, kamu tidak mengetahui siapa diantara mereka yang lebih dekat (banyak) manfaatnya bagimu. Ini adalah ketetapan dari Allah. Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui lagi Maha Bijaksana.

Dan bagimu (suami-suami) seperdua dari harta yang ditinggalkan oleh isteri-isterimu, jika mereka tidak mempunyai anak. Jika isteri-isterimu itu mempunyai anak, maka kamu mendapat seperempat dari harta yang ditinggalkannya sesudah dipenuhi wasiat yang mereka buat atau (dan) sesudah dibayar hutangnya. Para isteri memperoleh seperempat harta yang kamu tinggalkan jika kamu tidak mempunyai anak. Jika kamu mempunyai anak, maka para isteri memperoleh seperdelapan dari harta yang kamu tinggalkan sesudah dipenuhi wasiat yang kamu buat atau (dan) sesudah dibayar hutang-hutangmu. Jika seseorang mati, baik laki-laki maupun perempuan yang tidak meninggalkan ayah dan tidak meninggalkan anak, tetapi mempunyai seorang saudara laki-laki (seibu saja) atau seorang saudara perempuan (seibu saja), maka bagi masing-masing dari kedua jenis saudara itu seperenam harta. Tetapi jika saudara-saudara seibu itu lebih dari seorang, maka mereka bersekutu dalam yang sepertiga itu, sesudah dipenuhi wasiat yang dibuat olehnya atau sesudah dibayar hutangnya dengan tidak memberi mudharat (kepada ahli waris). (Allah menetapkan yang demikian itu sebagai) syariat yang benar-benar dari Allah, dan Allah Maha Mengetahui lagi Maha Penyantun.

Maksud Hadis :

Hendaklah kamu pelajari ilmu faraidh, maka sesungguhnya belajar ilmu faraidh itu adalah suruhan dari agama kamu dan bahawasanya ilmu faraidh itu adalah seperdua daripada ilmu dan ilmu faraidh itulah ilmu yang pertama kali mula-mula dicabut daripada umatku. (Riwayat Ahmad)

Hendaklah kamu pelajari ilmu faraidh dan kamu ajarkan kepada manusia, maka sesungguhnya aku adalah orang yang di dalam genggamannya Allah dan bahawa ilmu faraidh itu kelak akan digenggam dan akan nyata beberapa fitnah sehingga berselisih bertentangan dua orang mengenai dengan faraidh - pembahagian harta pusaka, maka kedua-dua orang itu tidak memperolehi orang yang boleh menghukumkan dan menyelesaikan perselisihan di antara keduanya. (Riwayat Ibn Majah)

Hendaklah kamu mempelajari Quran dan kamu ajarkan kepada manusia dan hendaklah kamu pelajari ilmu faraidh dan kamu ajarkan akan dia, maka sesungguhnya aku adalah orang yang di dalam genggamannya Allah dan ilmu faraidh akan diangkat dan hampir bertelingkah dua orang mengenai faraidh dan masalahnya, maka kedua-dua orang itu tidak dapat seorang pun yang boleh menjelaskan kepada keduanya. (Riwayat Al-Hakim)

Pengertian :

Ilmu faraidh ialah satu ilmu denganya dapat diketahui orang yang menerima pusaka dan orang yang tidak dapat menerima pusaka dan kadar yang patut diterima oleh tiap-tiap waris dan cara pembahagiannya.

SISTEM PEMBAHAGIAN HARTA PUSAKA DALAM ISLAM

Rukun-Rukun Waris :

Rukun-rukun waris ada tiga perkara :

- * Orang yang diwarisi (si mati)
- * Orang yang mewarisi
- * Harta yang diwarisi

Misalnya :

Bila seseorang Islam mati meninggalkan anak lelaki dan rumah, maka orang yang mati tadi adalah orang yang diwarisi dan anak lelaki mayat itu ialah waris, iaitu orang yang mewarisi dan rumah yang ditinggal itu pula adalah harta yang diwarisi.

Syarat-Syarat Waris :

Syarat-syarat waris ada empat perkara :

- * Pasti dan tahkik mati orang yang diwarisi,
- * Pasti dan tahkik hidup orang yang mewarisi selepas mati orang yang diwarisi,
- * Mengetahui perhubungan atau pertalian mereka yang mewarisi dengan orang yang diwarisi sama ada perhubungan atau pertaliannya dengan secara keluarga atau nikah atau menjadi Petuan kepada (pemilik) hamba sahaya.
- * Mengetahui 'jenis' pihak waris, sama ada dari pihak waris lelaki atau waris perempuan.

Sebab Mendapat Waris :

Sebab-sebab mendapat waris ada tiga perkara :

- * Dengan sebab nikah,
- * Dengan sebab nasab (keluarga atau keturunan),
- * Dengan sebab menjadi petuan hamba sahaya.

Menurut mazhab Syafie selain daripada sebab-sebab yang tiga ini terdapat pula perkara yang keempat iaitu "Baitulmal" Sekiranya seseorang itu mati tanpa meninggalkan waris yang berhak menerima pusaka atau ada waris, tetapi tidak habis hartanya diwarisi maka harta si mati yang tidak ada waris itu atau baki hartanya yang tidak habis oleh ahli waris tadi hendaklah diberikan kepada Baitulmal, sebagai penjaga dan memegang amanah. Baitulmal di negara kita adalah di bawah jagaan dan tadbir Majlis Agama Islam Negeri. Tegasnya setiap harta yang tidak ada waris yang berhak menerima atau ada pada waris, tetapi tidak habis harta itu diwarisi maka harta tersebut mestilah dikembalikan ke Majlis Ugama Islam Negeri BAITULMAL.

Yang Menghalang Perwarisan:

Perwarisan menjadi terhalang dan tertegah dengan tiga perkara :-

- * Hamba sahaya
- * Membunuh (orang yang diwarisi sengaja dibunuh)
- * Berlainan agama

Waris-Waris Dari Pihak Lelaki :

Waris-waris dari pihak lelaki ada 15 orang iaitu :-

1. Anak lelaki

5. Saudara lelaki seibu sebapa
6. Saudara lelaki sebapa
7. Saudara lelaki seibu
8. Anak saudara lelaki seibu sebapa
9. Anak saudara lelaki sebapa
10. Bapa saudara seibu sebapa
11. Bapa saudara sebapa
12. Anak lelaki bapa saudara seibu sebapa
13. Anak lelaki bapa saudara sebapa
14. Suami
15. Petuan hamba sahaya.

Bila waris-waris tersebut kesemuanya masih hidup belaka, maka orang yang berhak menerima pusaka dan yang mendapat waris ialah tiga orang sahaja, iaitu :-

1. Bapa
2. Anak lelaki, dan
3. Suami

Selain daripada mereka yang tersebut ini kesemuanya adalah mahjub, (terdinding). Dengan ertikata yang lain mereka itu tidak mendapat pusaka atau tidak menerima bahagian sebagai ahli waris kerana datuk telah terdinding disebabkan bapa dan cucu lelaki terdinding disebabkan anak lelaki dan waris-waris yang lain kesemuanya terdinding di sebabkan mereka itu.

Waris Dari Pihak Perempuan :

Waris dari pihak perempuan 10 orang iaitu :-

1. Anak perempuan
2. Cucu perempuan dari anak lelaki
3. Ibu
4. Nenek perempuan sebelah bapa hingga ke atas
5. Nenek perempuan sebelah ibu hingga ke atas
6. Saudara perempuan seibu sebapa
7. Saudara perempuan sebapa
8. Saudara perempuan seibu
9. Isteri atau beberapa orang isteri
10. Petuan perempuan hamba sahaya

Bila waris-warisan tersebut kesemuanya masih hidup belaka, maka orang yang berhak menerima pusaka dan yang mendapat waris ialah lima orang sahaja iaitu :-

1. Anak perempuan
2. Cucu perempuan dari anak lelaki
3. Ibu
4. Isteri dan
5. Saudara perempuan seibu sebapa

Selain daripada mereka yang tersebut ini kesemuanya adalah mahjub, (terdinding). Dengan perkataan yang lain mereka itu tidak mendapat pusaka atau tidak menerima bahagian sebagai ahli waris kerana nenek sebelah bapa dan nenek sebelah ibu kedua-duanya telah terdinding disebabkan ibu. Saudara seibu terdinding disebabkan anak perempuan dan saudara perempuan sebapa begitu juga saudara-saudara perempuan seibu kedua-duanya telah terdinding disebabkan saudara perempuan seibu sebapa yang telah menjadi 'asabah (menghabisi pembahagian harta) berserta anak perempuan atau cucu perempuan dari anak lelaki.

Bercampur Waris:

Bila seseorang meninggal dunia, di mana ianya meninggalkan waris lelaki dan waris perempuan, maka waris yang mendapat pusaka dan yang menerima bahagian sebagai ahli waris adalah lima orang sahaja, iaitu :-

1. Bapa
2. Ibu
3. Anak lelaki
4. Anak perempuan, dan
5. Suami atau isteri

Jika yang meninggal dunia itu isteri, maka yang menerima pusaka adalah suaminya.

Bercampur Semua Waris lelaki Dan Waris Perempuan.

Bila seseorang meninggal dunia, di mana ianya meninggalkan semua waris lelaki dan waris perempuan, maka datuk dan nenek sebelah bapa kedua-duanya terdinding disebabkan bapa; nenek sebelah ibu terdinding juga disebabkan ibu. Begitu juga cucu lelaki dan cucu perempuan dari anak lelaki kedua-duanya terdinding disebabkan anak lelaki. Selain daripada mereka itu adalah terdinding disebabkan bapa dan anak lelaki.

Putus Waris Dan Harta Yang Tidak Habis DiBahagi.

Bila seseorang Islam meninggal dunia, yang mana ianya tidak meninggalkan seorang pun daripada ahli waris yang berhak menerima pusaka, samada dari pihak waris lelaki atau dari pihak waris perempuan, maka menurut mazhab Syafie, harta mayat tersebut tidak boleh diwarisi oleh keluarga yang tidak menerima pusaka. Mereka ini dalam istilah faraidh dinamakan "Zul-Arham", ertinya orang yang mempunyai kasih sayang yang tidak menerima pusaka seperti cucu lelaki daripada anak perempuan dan cucu perempuan dari anak perempuan.

Begitu juga baki harta yang tidak habis dipusakai oleh ahli-ahli waris tidak boleh dikembalikan kepada ahli-ahli fardhu (orang yang berhak menghabisi) yang lain. Tetapi hendaklah dikembali dan diberikan kepada Baitulmal, iaitu Majlis Agama Islam Negeri selaku pemegang amanah untuk kebajikan dan perkembangan agama Islam.

Bahagian-Bahagian Waris.

Waris terbahagi kepada dua macam :

1. Waris fardhu
2. Waris 'asabah, iaitu waris yang menghabisi semua harta.

Perhubungan Fardhu-Fardhu (Nisbah)

Dalam pembahagian pusaka tiap-tiap fardhu yang didapati nasnya dalam Quran mempunyai perhubungan dan pertalian di antara satu fardhu dengan fardhu yang lain, di mana perhubungan tersebut terbahagi kepada empat bahagian :-

1. Tamathul - Iaitu dua fardhu yang bersamaan pecahanya seperti dua dengan dua, atau tiga dengan tiga, atau empat dengan empat atau enam dengan enam.
2. Tadakhul - Iaitu pecahan yang besar boleh habis jika ditolak dengan pecahan yang kecil seperti pecahan enam dengan pecahan tiga atau pecahan lapan dengan pecahan empat.
3. Tawafuk - Iaitu bersamaan dua pecahan pada satu bahagian daripada beberapa bahagian dan tidak habis pecahan yang besar tadi jika ditolak dengan pecahan yang kecil, seperti pecahan enam dengan pecahan empat.
4. Tabayun - Iaitu dua pecahan yang tidak bersamaan seperti pecahan dua dengan pecahan tiga.

Cara-Cara Mengambil Asal Masalah.

- | | | |
|----------|---|---|
| Tamathul | - | Hendaklah diambil salah satu daripada fardhu yang bersamaan seperti ($\frac{1}{2}$, $\frac{1}{2}$) maka asal masalahnya 2. |
| Tadakhul | - | Hendaklah diambil pecahan yang besar, seperti ($\frac{1}{3}$, $\frac{1}{6}$) maka asal masalahnya 6. |
| Tawafuk | - | Hendaklah didarabkan sebahagian daripada pecahan salah satu daripada fardhu-fardhu kepada semua pecahan yang lain, seperti ($\frac{1}{4}$, $\frac{1}{6}$) maka asal masalahnya 12. |
| Tabayun | - | Hendaklah didarabkan semua pecahan salah satu daripada fardhu-fardhu kepada semua pecahan yang lain, seperti ($\frac{1}{3}$, $\frac{1}{4}$) maka asal masalahnya 12. |

5 daripada waris-waris yang berhak mendapat $\frac{1}{2}$.

1. Suami ketika simati (isteri) tidak mempunyai anak.
2. Seorang anak perempuan ketika simati tiada anak laki-laki (saudaranya).
3. Seorang cucu perempuan daripada anak laki-laki ketika simati tiada :-
 - i) Anak perempuan
 - ii) Anak laki-laki
 - iii) Cucu laki-laki daripada anak laki-laki

4. Seorang saudara perempuan seibu dan sebapa ketika simati tiada :-

1. Bapa
2. Saudara laki-laki seibu sebapa
3. Datuk laki-laki
4. Fara' waris yang laki-laki
Fara' waris yang perempuan.

5. Seorang saudara perempuan sebapa ketika simati tiada

1. Bapa
2. Saudara laki-laki seibu dan sebapa
3. Datuk laki-laki
4. Fara' waris laki-laki
5. Fara' waris-waris yang perempuan
6. Saudara laki-laki sebapa

2 orang daripada waris yang berhak mendapat $\frac{1}{4}$.

1. Suami ketika si isteri ada mempunyai :

- a. Anak laki atau anak perempuan
- b. Cucu laki-laki atau cucu perempuan

2. Isteri seorang atau lebih. Ketika simati (suami) tidak ada mempunyai :

- a. Anak laki-laki atau anak perempuan
- b. Cucu laki-laki atau cucu perempuan

Seorang sahaja daripada waris-waris yang dapat $\frac{1}{8}$:

Isteri atau beberapa orang isteri. Isteri berhak mendapat harta peninggalan suami bila suami meninggalkan salah seorang daripada waris-waris berikut :

1. Anak laki-laki atau perempuan
2. Cucu laki atau cucu perempuan

Mereka yang mendapat $\frac{2}{3}$ (Thalasan) ialah empat orang

1. 2 orang anak perempuan atau lebih ketika simati tiada anak laki-laki (saudaranya yang laki-laki).
2. 2 orang cucu perempuan daripada anak laki-laki atau lebih ketika simati tiada.
 - a. anak laki-laki b. anak perempuan
 - c. cucu laki-laki daripada anak laki-laki.
3. 2 orang saudara perempuan seibu sebapa atau lebih ketika simati tiada :
 - a. Anak laki-laki atau cucu laki-laki,
 - b. Anak perempuan atau cucu perempuan,
 - c. Saudara laki-laki seibu sebapa,
 - d. Bapa atau datuk laki-laki.
4. Dua orang saudara perempuan sebapa atau lebih ketika simati tiada :
 - a. Anak laki-laki atau cucu laki-laki,
 - b. Anak perempuan atau cucu perempuan,
 - c. Saudara laki-laki atau perempuan seibu sebapa.
 - d. Bapa atau datuk laki-laki.

2 daripada waris-waris yang mendapat $\frac{1}{3}$:

1. Ibu.
 - a. Tidak meninggalkan anak lelaki atau perempuan
 - b. Tidak meninggalkan cucu laki-laki atau perempuan daripada anak lelaki

- c. Tidak meninggalkan saudara samada lelaki atau perempuan samada dari seibu sebapa atau saudara sebapa atau saudara seibu.
- 2. Saudara lelaki atau saudara perempuan seibu, sama ada seorang atau lebih.
 - a. Tidak meninggalkan anak lelaki atau perempuan
 - b. Tidak meninggalkan cucu lelaki atau perempuan dari anak lelaki.
 - c. Tidak meninggalkan bapa
 - d. Tidak meninggalkan datuk

7 daripada waris-waris yang mendapat $\frac{1}{6}$:

- 1. Bapa
 - a. Ada meninggalkan anak lelaki atau perempuan
 - b. Ada meninggalkan cucu lelaki atau perempuan dari anak lelaki.
- 2. Ibu
 - a. Ada meninggalkan anak lelaki atau perempuan
 - b. Ada meninggalkan cucu lelaki atau perempuan dari anak lelaki.
 - c. Ada meninggalkan saudara lelaki atau perempuan, samada saudara perempuan sahaja, saudara seibu sebapa, atau saudara sebapa atau saudara seibu sahaja.
- 3. Datuk
 - a. Ada meninggalkan anak lelaki atau perempuan
 - b. Ada meninggalkan cucu lelaki atau perempuan dari anak lelaki dan juga cucu tadi tidak ada meninggalkan bapa
- 4. Nenek
 - a. Samada cucunya ada meninggalkan anak atau tidak
 - b. Samada nenek sebelah ibu atau bapa dan ibu kepada nenek-nenek tadi dan bila nenek itu seorang diri sahaja.

- c. Jika nenek-nenek itu ramai, samada sebelah ibu atau bapa mereka akan dapat secara berkongsi.
- 5. Cucu perempuan daripada lelaki, seorang atau lebih
 - a. Tiada meninggalkan cucu lelaki daripada anak lelaki
 - b. Tiada meninggalkan anak lelaki atau perempuan lebih daripada seorang.
- 6. Saudara perempuan sebapa, seorang atau lebih
 - a. Tidak ada meninggalkan saudara lelaki sebapa
 - b. Tiada meninggalkan anak lelaki
 - c. Tiada meninggalkan dua orang saudara perempuan seibu sebapa atau lebih. Jika saudara yang meninggal dunia tadi ada meninggalkan seorang saudara perempuan seibu sebapa, maka saudara perempuan sebapa sama ada seorang atau lebih mendapat $\frac{1}{6}$ dan saudara perempuan seibu sebapa mendapat $\frac{1}{2}$. Kalau dicampurkan bahagian saudara perempuan sebapa $\frac{1}{6}$ dengan saudara perempuan seibu sebapa jumlahnya adalah $\frac{2}{3}$. Ini juga dikatakan "Takmilatul-sulusain" iaitu menyempurnakan $\frac{2}{3}$.
- 7. Saudara lelaki seibu, atau saudara perempuan seibu.
 - a. Tiada meninggalkan anak lelaki atau perempuan
 - b. Tiada meninggalkan cucu lelaki atau perempuan dari anak lelaki
 - c. Tiada meninggalkan bapa
 - d. Tiada meninggalkan datuk.

'ASABAH

'Asabah ialah waris yang menghabiskan semua harta peninggalan simati atau menghabiskan yang lebih selepas Ahli Fardhu.

'Asabah terbahagi kepada tiga bahagian :-

1. 'Asabah Binafsihi iaitu menghabisi harta dengan sendirinya.
2. 'Asabah Bighairihi iaitu menghabisi harta dengan sebab waris yang lain.
3. "Asabah ma'a ghairihi iaitu menghabisi harta berserta waris-waris yang lain.

Mereka Yang Mendapat 'Asabah Binafsihi

Waris-waris yang mendapat 'Asabah Binafsihi ialah 15 orang :-

1. Anak lelaki
2. Cucu lelaki daripada anak lelaki hingga kebawah
3. Bapa
4. Datuk hingga ke atas
5. Saudara lelaki seibu sebapa
6. Saudara lelaki sebapa
7. Anak saudara lelaki seibu sebapa
8. Anak saudara lelaki sebapa
9. Bapa saudara seibu sebapa
10. Bapa saudara sebapa
11. Anak lelaki bapa saudara seibu sebapa
12. Anak lelaki bapa saudara sebapa
13. Petuan lelaki yang memerdekakan
14. Petuan perempuan yang memerdekakan
15. Anak lelaki petuan lelaki yang memerdekakan

Sekiranya tiada meninggalkan saudara perempuan seibu sebapa. Dan bapa saudara perempuan seibu sebapa atau bapa saudara.

'Asabah Bighairihi.

4 daripada waris mendapat 'Asabah bighairihi :

- a. Anak perempuan
- b. Cucu perempuan daripada anak lelaki
- c. Saudara perempuan seibu sebapa
- d. Saudara perempuan sebapa

'Asabah Ma'a ghairihi.

2 daripada waris-waris mendapat 'asabah ma'a ghairihi.

- a. Saudara perempuan seibu sebapa, sama ada seorang atau lebih.
- b. Saudara perempuan sebapa, sama ada seorang atau lebih.

Mahjub (terdinding).

Mahjub ialah waris-waris yang terdinding daripada menerima pusaka, dengan erti kata yang lain mereka itu tidak mendapat bahagian dari pusaka yang ditinggalkan oleh si mayat, sama ada mereka itu tidak mendapat langsung atau hanya mendapat sedikit sahaja.

Mahjub terbahagi kepada dua bahagian iaitu :

1. Mahjub nuqsan;
2. Mahjub hirman.

Mahjub nuqsan.

Mahjub nuqsan, ialah waris yang hanya mendapat sedikit bahagian sahaja, di mana bahagian mereka berpindah dan bertukar dari bahagian fardu yang banyak kepada fardu yang sedikit, seperti berpindah dan bertukarnya bahagian suami daripada satu perdua ($1/2$) kepada satu perempat ($1/4$) dan lain-lainnya.

Mahjub hirman.

Mahjub hirman ini terbahagi kepada dua bahagian iaitu :-

1. Mahjub di pihak waris lelaki atau perempuan.

Mahjub di pihak waris lelaki

11 orang mahjub di pihak waris lelaki termasuk Baitulmal iaitu :

1. Datuk, mahjub disebabkan bapa
2. Cucu lelaki daripada anak lelaki, mahjub disebabkan anak lelaki.
3. Saudara lelaki seibu sebapa, mahjub disebabkan :
 - a. Bapa
 - b. Anak lelaki
 - c. Cucu lelaki daripada anak lelaki.
4. Saudara lelaki sebapa, mahjub disebabkan :
 - a. Bapa
 - b. Anak lelaki
 - c. Cucu lelaki daripada anak lelaki
 - d. Saudara lelaki seibu sebapa
5. Anak saudara lelaki seibu sebapa, mahjub disebabkan
 - a. Bapa
 - b. Datuk
 - c. Anak lelaki
 - d. Cucu lelaki daripada anak lelaki
 - e. Saudara lelaki seibu sebapa
 - f. Saudara lelaki sebapa

6. Anak saudara sebapa, mahjub disebabkan :

- a. Bapa
- b. Datuk
- c. Anak lelaki
- d. Cucu lelaki daripada anak lelaki
- e. Saudara lelaki seibu sebapa
- f. Saudara lelaki sebapa
- g. Anak lelaki saudara lelaki seibu sebapa

7. Bapa saudara seibu sebapa, mahjub disebabkan :

- a. Bapa
- b. Datuk
- c. Anak lelaki
- d. Cucu lelaki daripada anak lelaki
- e. Saudara lelaki seibu sebapa
- f. Saudara lelaki sebapa
- g. Anak lelaki saudara lelaki seibu sebapa
- h. Anak lelaki saudara lelaki sebapa

8. Bapa saudara sebapa, mahjub disebabkan :

- a. Bapa
- b. Datuk
- c. Anak lelaki
- d. Cucu lelaki daripada anak lelaki
- e. Saudara lelaki seibu sebapa
- f. Saudara lelaki sebapa
- g. Anak lelaki saudara lelaki seibu sebapa
- h. Anak lelaki saudara lelaki sebapa
- i. Bapa saudara seibu sebapa

9. Anak bapa saudara seibu sebapa, mahjub disebabkan :

- a. Bapa
- b. Datuk
- c. Anak lelaki
- d. Cucu lelaki daripada anak lelaki
- e. Saudara lelaki seibu sebapa
- f. Saudara lelaki sebapa
- g. Anak lelaki saudara lelaki seibu sebapa
- h. Anak lelaki saudara lelaki sebapa
- i. Bapa saudara seibu sebapa
- j. Bapa saudara sebapa

10. Anak bapa saudara sebapa, mahjub di sebabkan :

- a. Bapa
- b. Datuk
- c. Anak lelaki
- d. Cucu lelaki daripada anak lelaki
- e. Saudara lelaki seibu sebapa
- f. Saudara lelaki sebapa
- g. Anak lelaki saudara lelaki seibu sebapa
- h. Anak lelaki saudara lelaki sebapa
- i. Bapa saudara seibu sebapa
- j. Bapa saudara sebapa
- k. Anak lelaki bapa saudara seibu sebapa

11. Baitulmal, mahjub disebabkan :

- a. Bapa
- b. Datuk
- c. Anak lelaki
- d. Cucu lelaki daripada anak lelaki
- e. Saudara lelaki seibu sebapa
- f. Saudara lelaki sebapa
- g. Anak lelaki saudara lelaki seibu sebapa
- h. Anak lelaki saudara lelaki sebapa
- i. Bapa saudara seibu sebapa
- j. Bapa saudara sebapa
- k. Anak lelaki bapa saudara seibu sebapa

Mahjub dipihak waris perempuan.

Orang-orang yang mahjub dipihak waris-waris perempuan ialah 6 orang iaitu :-

1. Nenek sebelah ibu mahjub disebabkan :

- a. Ibu

2. Nenek sebelah bapa, mahjub disebabkan :-

- a. Ibu
- b. Bapa

3. Anak perempuan daripada anak lelaki, mahjub disebabkan

- a. Anak lelaki
- b. Dua orang anak perempuan

4. Saudara perempuan seibu sebapa, mahjub disebabkan :-

- a. Bapa
- b. Anak lelaki
- c. Cucu lelaki daripada anak lelaki

5. Saudara perempuan sebapa, mahjub disebabkan :-
 - a. Bapa
 - b. Anak lelaki
 - c. Cucu lelaki daripada anak lelaki
 - d. Dua orang saudara perempuan seibu sebapa
 - e. Saudara lelaki seibu sebapa
6. Saudara-saudara seibu, mahjub disebabkan :-
 - a. Bapa
 - b. Datuk
 - c. Anak lelaki
 - d. Anak perempuan
 - e. Cucu lelaki daripada anak lelaki

Sekian, wabillahi taufik walhidayah.

Dipanjangkan oleh:

(DATO' HJ. MOHD MURTADZA BIN HJ. AHMAD)
Mufti Kerajaan Negeri,
Negeri Sembilan Darul Khusus.